

Bab V : Keadaan Kehidupan Di Jepun

5.1 Pengenalan

Masyarakat Jepun merupakan sebuah negara yang agak konservatif serta mempunyai pandangan hidup dan adat istiadat yang berlainan. Untuk mengurangkan konflik hidup atau salah faham, maka seseorang pelajar dikehendaki memahami kebudayaan sosial orang Jepun dan cuba menyesuaikan diri dalam masyarakat Jepun.

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan keadaan hidup pelajar, pola perbelanjaan dan sumber kewangan, perhubungan sosial dan persatuan pelajar serta badan-badan sukarela.

5.2 Keadaan Hidup Di Jepun

5.2.1 Keadaan Tempat Tinggal

Satu masalah serius yang dihadapi oleh pelajar Malaysia adalah untuk mencari tempat penginapan. Walaupun terdapat berbagai dormitori atau asrama disediakan tetapi bilangannya adalah terhad, ia hanya dapat menanggung 20% - 30% pelajar asing sahaja, yang lain terpaksa mencari rumah penginapannya sendiri. Selain dari dormitori atau asrama, terdapat 5 jenis perumahan swasta dibekalkan, iaitu :-

1. Apartmen / " Aparto "
2. Kondominun / " Mansion "
3. Rumah Tumpangan Tanpa Makanan / "Kashima "
4. Rumah Tumpangan Dengan Makanan / " Geshuku "
5. Tinggal bersama keluarga(Homestay)

Dalam Kajian ini, didapati daripada 64 responden, 26 orang (40.7%) adalah menetap di rumah atau bilik sewa dan 20 orang (31.2%) di asrama kolej. Hanya sekumpulan kecil tinggal di asrama kebajikan (10 orang atau 15.6%), rumah kawan (3 orang atau 4.7%) dan asrama komersial (2 orang atau 3.1%). Biasanya, yuran sewa di asrama kolej atau asrama kebajikan adalah jauh lebih rendah daripada bilik sewa, iaitu kira-kira Y15,000 - Y30,000 sebulan, manakala menyewa sebuah bilik di luar sekurang-kurang Y30,000 keatas. Mereka yang berpeluang tinggal di asrama majikan dengan percuma akan menjimat sejumlah besar kos hidupnya.

Selain daripada itu, terdapat 36 orang (56.3%) tinggal perseorangan, 18 orang (28.1%) berkongsi dengan seorang kawannya, 8 orang (12.5%) berkongsi dengan dua orang kawannya dan 2 orang pula (3.1%) berkongsi dengan 3 orang kawannya. Setiap tempat kediaman pelajar ini, biasanya mempunyai alat-alat kemudahan asas yang amat diperlukan untuk musim-musim tertentu, seperti kipas, alat pemanas, peti sejuk, bilik mandi, alat makan, meja, kerusi, radio, televisyen dan sebagainya. Bagi seseorang pelajar yang tidak mempunyai alat-alat kemudahan asas ini, mereka akan cuba mendapatkannya sama ada membeli barang lama di kedai barang terpakai atau memperolehi barang lama dari kawan atau badan-badan tertentu atau dari Bilik Bimbingan Asia Bunka Kaikan, atau mengutip barang ini yang dibuang di tepi jalan

atau 'kakilima' rumah orang.

Di dapati juga, kebanyakan tempat kediaman pelajar tersebut mempunyai kemudahan memasak, iaitu seramai 57 orang (89.0%) dan 7 orang (11.0%) sahaja tidak mempunyai kemudahan memasak. Kalau ada masa, mereka memasak sendiri. Biasanya mereka akan berbuat demikian kerana masak sendiri adalah lebih jimat dari makan di luar. Makan di restoran harganya kira-kira Y600-Y700. Kafeteria sekolah biasanya lebih murah. Jika masak sendiri hanya memerlukan Y200 - Y300 sahaja.

Boleh dikatakan, keadaan perumahan di Jepun tidak begitu baik dan pelajar selalunya terpaksa membayar sewa yang mahal, terutamanya di kota metropolitan Tokyo. Biasanya mereka tinggal di sebuah bilik yang kecil dengan bilik mandi atau dapur. Bagi rumah yang tidak mempunyai bilik mandi mereka terpaksa bermandi di bilik mandi awam ("sento") dengan bayaran Y300 setiap kali. (lihat gambar 2). Bilik mandi awam ini adalah tempat semua orang mandi bersama secara bertelanjang.

Di Tokyo, sewa bulanan apartmen sebuah bilik seluas 19.8 meter persegi atau 9x12 kaki (6 tikar tatami) disertakan tandas ialah Y30,000 ; ada kemudahan memasak di bilik dan disertai tandas, kira-kira Y35,000 ; ada bilik mandi,

-
1. Ini telah menjadi satu tradisi bagi pelajar asing untuk mendapat barang-barang tersebut, terutamanya barang elektrik seperti radio dan televisyen yang dibuang di depan rumah orang Jepun. Perkara ini berlaku terutamanya pada bulan April atau Oktober apabila ramai orang Jepun akan bertukar tempat kerja atau tempat tinggalnya. Maka barang-barang yang tidak dapat dipindah bersama akan dibuangkan sahaja.

sewanya kira-kira Y55,000. Sebuah bilik berukuran 6 tikar tatami yang lengkap dengan penghawa dingin, tandas, bilik dapur, bilik mandi yang terletak di kawasan selesa, sewanya ialah kira-kira Y100,000 sebulan.

Di bawah adalah jenis bilik penginapan :

Jenis bilik (1 tikar tatami = 0.8m x 1.9m)	Anggaran Sewa sebulan
a. Bilik 4.5 tatami (7.5 m) sahaja	Y25,000
b. Bilik 6 tatami (9.7 m) sahaja	Y30,000
c. Bilik 6 tatami + bilik dapur (1.5 tatami)	Y35,000
d. Bilik 6 tatami + bilik dapur + bilik mandi	Y55,000

Semasa menyewa rumah, selain daripada menandatangani surat perjanjian sewa apartmen, penyewa mesti membayar bukan sahaja sewa ("yachin"), tetapi juga bayaran kunci ("reikin" atau "kenrikin") sebanyak satu hingga dua bulan sewa. ini tidak akan dikembalikan. Penyewa juga perlu bayar deposit ("shikikin" atau "hoshokin") sebanyak satu hingga dua bulan sewa sebagai jaminan keselamatan bagi bayaran sewa ; yuran perkhidmatan ("kyoekihi") sebagai pembayaran membersihkan kawasan rumah serta air dan elektrik, (kadang kala ia dimasukkan dalam sewa) ; dan komisen ejen hartanah ("chukai tesuryo") sebagai hadiah kepada orang tengah.

Di samping itu, budaya Jepun amat mementingkan buah tangan sebagai tanda penghargaan. Oleh itu, pelajar Malaysia biasanya akan menghadihkan bir dan rokok yang digemari oleh orang Jepun. Bir-bir tersebut selalunya diberi di Free Duty Shop di Lapangan Terbang Subang seperti Martell V.S.O.P Medaillon (M\$76.50), Martell Cordon Blen (M\$165.50), X.O Royal (M\$188.00) dan sebagainya.

Pada umumnya, sejumlah wang yang sesama dengan 6 bulan sewa hendaklah dibayar semasa pindah masuk bilik itu. Sebagai contoh, untuk menyewa sebuah bilik yang berukuran 6 tikar tatami, bakal penyewa akan dikehendaki membayar jumlah Y150,000 (M\$3,000.00) pada kali pertama.

Sistem ini telah dilaksanakan sejak perang Dunia II. Keadaan ini amat sukar difahami dan diterima akal oleh pelajar Malaysia tetapi ia telah menjadi satu perkara umum yang mesti dipatuhi semasa menyewa bilik. Selain daripada itu, ia telah menjadi satu kenyataan dimana ramai tuan rumah orang Jepun tidak mahu menyewakan bilik kepada orang asing kerana masalah komunikasi dan perbezaan kebudayaan. Kadangkala mereka juga tidak menyewa bilik kepada ras tertentu.

5.2.2 Sistem Kesihatan Pelajar


Secara amnya, rawatan perubatan di Jepun adalah mahal. Sebagai contoh, bayaran perubatan bagi seseorang pelajar Malaysia yang tidak menyerta Skim Insurans ketika dirawat di hospital atas penyakit apendiks, belanjanya kira-kira Y300,000 - Y400,000 (kira-kira M\$6,000-M\$8,000) dan kos rawatan bagi sebatang gigi rosak ialah beberapa puluh ribu yen yang semuanya mesti dibayar oleh pesakit.

Atas alasan inilah, Pertubuhan Pendidikan Antara-bangsa Jepun (AIEJ) telah mengendalikan satu sistem khas bagi pelajar asing yang mempunyai status residen sebagai pelajar kolej, dimana 80% daripada jumlah perbelanjaan perubatan akan ditanggung oleh AIEJ.

Selain daripada itu, pelajar asing juga boleh mendaftar dalam skim Insurans Kesihatan Nasional yang dikehendaki di wad hospital dan pejabat perbadanan menurut Undang-undang Insurans Kesihatan Nasional (Law No.192 Dec 27, 1958).

Pelbagai jenis premium tahunan disediakan bernilai antara Y10,000 dan Y50,000 yang bergantung kepada daerah. Pelanggan kepada skim ini hanya perlu membayar 30% belanja rawatan sahaja. Seseorang pelajar asing boleh menyertai kedua-dua sistem, iaitu Insurans Kesihatan Nasional dan Sistem Pembayaran Kembali Kos Perubatan yang dikendalikan oleh AIEJ dan faedahnya adalah hanya perlu dibayar 6% daripada jumlah perbelanjaan perubatan.

Cara pengiraan sistem subsidi bagi bantuan perubatan dijelaskan seperti berikut ;



Walaupun, terdapat banyak faedahnya jika seseorang pelajar menyertai kedua-dua sistem yang dinyatakan tadi, tetapi didapati dikalangan responden hanya 47 orang (76.6%) sahaja yang menyertai program skim Insruans Kesihatan

Nasional dan 15 orang pula (23.4%) tidak memasuki skim tersebut kerana hendak menjimatkan wang. Sebenarnya tanpa penyertaan skim ini, kerugian yang lebih besar akan ditanggung.

Dalam satu kes, seorang pelajar pra-kelej yang menuntut di Meros Language School telah mengalami satu kemalangan ringan dan mencenderakan jari tangan kiri pada 8hb Jun 1991 di Itabashi-ku. Oleh kerana dia tidak menyertai skim Insurans Kesihatan Nasional dan sistem pembayaran kos perubatan, maka dia terpaksa menanggung semua kos rawatannya sejumlah Y60,000 (M\$1,200.00). Kalau dia mendaftar diri dalam skim Insurans Kesihatan Nasional, dia hanya perlu membayar Y18,000 sahaja.

Bagi pelajar Malaysia, bila mereka jatuh sakit biasanya mereka akan pergi ke hospital kerajaan (68.8%) untuk mendapat rawatan dan klinik persendirian (15.6%). Terdapat 7.7% pula yang tidak kemana-mana dan 7.8% lain akan menggunakan ubat sendiri yang dibawa dari Malaysia.

5.2.3 Pengagihan Masa Dalam Aktiviti Harian

Jadual waktu mereka adalah agak tetap dalam sepanjang minggu kecuali cuti awam atau cuti panjang. Boleh dikatakan, masa harian hanya ditumpukan kepada tiga perkara ini, iaitu belajar, bekerja dan tidur. Tidak ada masa lebihan bagi mereka melakukan kegiatan sosial lain.

~~~~~  
2. Dia tidak berhak menikmati faedah subsidi bantuan perubatan dari AIEJ kerana beliau adalah seorang pelajar pra-kelej.

Secara puratanya, pengagihan masa pelajar-pelajar ini boleh ditunjukkan seperti berikut :

| Aktiviti<br>-----                             | Jam (minit)<br>----- |
|-----------------------------------------------|----------------------|
| a. Belajar (dikampus)                         | 4 jam 48 minit       |
| b. Buat ulangkaji                             | 2 jam 13 minit       |
| c. Bekerja Sambilan                           | 5 jam 35 minit       |
| d. Tidur                                      | 6 jam 29 minit       |
| e. Hiburan                                    | 1 jam 14 minit       |
| f. Rehat                                      | 1 jam 33 minit       |
| g. Lain-lain(perjalanan,<br>makan, mandi dll) | 2 jam 8 minit        |
|                                               | -----                |
|                                               | 24 jam               |
|                                               | =====                |

Pada biasanya, pelajar ini akan menghadiri kelas di kampus pada waktu pagi hingga petang dan melibatkan diri dalam kerja sampingannya pada waktu seterusnya iaitu petang hingga malam. Walau bagaimanapun, pengagihan waktu kegiatan harian adalah berbeza mengikut individu-individu tertentu bersesuaian dengan waktu kelas dan pekerjaan masing-masing. Dalam satu kes, seorang pelajar dikehendaki bekerja pada masa larut malam (waktunya bermula 12 tengah malam hingga 8 pagi) di sebuah kilang plastik, maka selepas kerja, dia terus ke sekolahnya untuk menghadiri kelas bahasa Jepun yang akan bermula pada 9 pagi hingga 1 petang. Oleh itu, maka petang dan malam dijadikan sebagai waktu untuk tidur dan rehat.

Di hari Ahad, kalau tidak bekerja, mereka akan menghargai peluang ini untuk berehat kerana keletihan badan sepanjang minggu ini. Kebanyakan pelajar ini lebih suka menghabiskan masannya berbuat ulangkaji sendiri supaya tidak ketinggalan dalam sukatan pelajarannya. Kadang-kadang mereka akan mengunjungi tempat-tempat popular di Tokyo



seperti Shinjuku, Harajuku dan Akihabara .

Pada cuti awam atau cuti panjang , mereka tidak mahu melepaskan peluang ini untuk bekerja kerana masa itulah mereka boleh melakukan kerja tambahan bagi memperolehi gaji yang banyak untuk menanggung kos hidupnya. Terdapat seramai 53 orang (91.4%) pelajar akan bekerja dalam cuti panjang dan 47 orang (81.0%) pada cuti awam. Selain daripada itu, setengah pelajar ini akan menggunakan masa cuti ini untuk membuat ulangkaji, berkelah, menyertai aktiviti persatuan dan lain-lain lagi.

#### 5.2.4 Masalah Kehidupan Di Jepun

---

Pelajar saradiri biasanya menghadapi pelbagai masalah dan kesulitan dalam kehidupan sosial mereka. Kebolehan menyesuaikan diri dalam persekitaran yang baru adalah penting bagi membolehkan mereka terus menyertai dalam komuniti orang Jepun.

Masalah yang dihadapi meliputi aspek ekonomi, sosial dan psikologi, iaitu :

- a. Kesulitan kewangan - Ia merupakan masalah yang lazim dihadapi oleh pelajar saradiri memandangkan kos hidup dan yuran sekolah adalah begitu tinggi di Tokyo. Selalunya gaji tidak dapat menampung perbelanjaan mereka, maka mereka terpaksa minta bantuan dari pihak lain, biasanya daripada kawan karib atau ahli keluarga. Menurut kajian kerajaan Jepun terhadap pelajar asing di Tokyo pada tahun 1988, masalah kewangan bagi golongan

pelajar saradiri ini adalah empat kaliganda lebih serius daripada pelajar biasiswa. Seorang pelajar yang ditemuduga telah mengeluarkan perasannya, "saya terpaksa bekerja setiap hari, tidak ada aktiviti dan sangat risau tentang kos hidup saya."

b. Pengagihan masa - Dalam situasi belajar sambil bekerja, mereka terpaksa menumpukan tenaganya kepada pelajaran dan juga pekerjaan yang dianggap sama penting. Maka, selalu timbul konflik antara kedua-dua hal ini. Keadaan ini adalah jelas bila sampai musim ujian. Terdapat 2 cara biasa diambil untuk mengatasi masalah ini, iaitu mengurangkan masa pekerjaan dan menggunakan lebih banyak masa dalam ulangkaji atau bersikap tidak peduli dalam pelajarannya.

c. Kefasihan Bahasa Jepun - Biasanya pelajar Malaysia hanya akan belajar Bahasa Jepun selepas menetap di Jepun. Untuk menguasai bahasa asing itu dalam masa yang singkat bukanlah satu perkara yang mudah tercapai. Maka, taraf kecekapan penggunaan bahasa Jepun yang lemah ini telah menjadi satu penghalang komunikasi dengan orang Jepun. Begitu juga dalam kefahaman mata pelajaran yang diikutinya. Kebudayaan berlainan telah membawa kepada perbezaan tradisi dan gaya komunikasi seperti penggunaan ayat, formaliti, penekanan dan tatabahasa. Ini sudah menimbulkan perselisihan faham dan penaksiran yang salah terdapat sesuatu tindakbalas. 90% dari responden pelajar saradiri yang menuntut di

peringkat universiti mengakui bahawa kelemahan dalam penguasaan bahasa Jepun adalah faktor utama yang menyebabkan mereka menghadapi masalah kefahaman dalam kelas.

d. Persoalan 11 Tahun pendidikan - Ramai pelajar Malaysia yang memegang SPM menghadapi masalah kelayakan memasuki institusi pengajian tinggi yang memerlukan syarat 12 tahun pendidikan di negara asalnya. Hal ini banyak berlaku bila pelajar ini memohon masuk sekolah bahasa Jepun semasa di Malaysia melalui agensi-agensi tertentu yang lebih bercorak komersial, syarat ini tidak ditekankan dan kepentingan perkara ini tidak dijelaskan kepada pelajar. Selepas sampai ke Jepun barulah pelajar sedar masalah serius yang dihadapinya untuk memasuki universiti di Jepun terutamanya univeristi kebangsaan. <sup>4</sup> Maka, pelajar yang pernah menduduki kelas peralihan akan cuba mendapat surat pengesahan dari pihak Kedutaan Malaysia atau pihak sekolah di Malaysia supaya dapat melayakkan diri masuk universiti Jepun. Tetapi jarang mereka berjaya mengatasi masalah ini. Pada kebelakangan ini, keadaan ini turut diambil berat oleh Kementerian Pendidikan Jepun.

---

Di universiti-universiti kebangsaan, syarat tersebut amat dipentingkan dan dipatuhi ketat. Manakala di sesetengah universiti swasta mungkin syarat ini dilonggarkan sekiranya pelajar dapat mengemukakan dokumen-dokumen yang menyahkan ia mempunyai 12 tahun pendidikan di peringkat sekolah menengah.

e. Perhubungan Tidak Mesra Dengan Pihak Kedutaan Besar Malaysia Di Jepun - Golongan pelajar saradiri sentiasa cuba membandingkan keadaan mereka dengan pelajar Malaysia yang menerima biasiswa dan sentiasa dijaga baik oleh Kedutaan Basar Malaysia di Jepun. Dalam keadaan yang sedemikian, mereka menganggap diri mereka tidak mendapat layanan serta perkhidmatan sosial yang adil dan sewajarnya dari pihak Kedutaan. Lama-kelamaan, pelajar saradiri merasa tidak senang hati, curiga, bersikap 'Tidak Terbuka' serta tidak menaruh keyakinan terhadap pihak kedutaan. Keadaan ini diburukkan lagi bila masalah diskrimnasi wujud dikalangan pelajar Malaysia. Ekoran daripada itu, ramai pelajar saradiri tidak ingin mendaftarkan diri di kedutaan Besar Malaysia seperti mana yang diperintah oleh pihak kedutaan semasa berada di Jepun. Sehingga kini, boleh dikatakan perhubungan antara pelajar saradiri dengan pihak kedutaan adalah tidak begitu baik.

f. Kuasa Penyesuaian 'silang budaya' - Dalam suatu komuniti yang baru disertai, bila berhadapan suatu kebudayaan asing, timbulah kesulitan dalam menyesuaikan diri dalam budaya baru. Seseorang pelajar asing sesama imigran lain juga selalu mengalami tekanan semasa dalam proses akulturasi. Menurut Whittaker dengan pandangan Wong-Rieger (1987:244), adaptasi 'silang budaya' melibatkan 3 proses :

mempelajari norma-norma sosial baru;

menyesuaikan tingkahlakunya terhadap norma-norma ini;

menyesuai 'self-concept' seseorang untuk mencapai kelakuan dan norma-norma sosial baru.

Berdasarkan model ini, masalah adaptasi berlaku bila pelajar itu gagal melalui satu atau semua proses ini, akibatnya menimbulkan berbagai bentuk ketidaksesuaian antara komponen norma-norma, kelakuan dan 'konsep-diri'. Begitu juga dengan pelajar Malaysia yang banyak mengalami 'kejutan budaya' bila menyertai masyarakat Jepun yang berpegang kuat kepada norma-norma sosial, kebudayaan tradisi, 'male-chaunvinistic' dan sikap ragu-ragu untuk menerima pelajar asing sebagai anggota masyarakat mereka. Oleh itu, kadangkala timbul konflik dalam nilai-nilai, sikap dan pandang hidup yang menghalang komunikasi yang berkesan dengan orang tempatan.

8 Penyesuaian personaliti yang stabil (Stable Personal Adjustment) - Samaada berada di luar negeri atau dalam negara sendiri, masalah peribadi bagi semua pelajar agak sama. Walau bagaimanapun, seseorang pelajar asing terutamanya pelajar saradiri di Jepun terpaksa mengalami lebih tekanan kepada status sebagai pelajar asing dan juga pekerja kepada majikannya. Peranan sosial yang pelbagai ini selalu boleh membuat pelajar ini merasa terdesak, gelisah, dan kesepian. (Whittaker, 1987:247) Selain daripada itu, masalah-masalah lain juga termasuk ketidakfasihan bahasa

Jepun, perselisihan faham budaya dan kekeliruan, ketegangan pelajar, ketidak sesuaian tempat tinggal, kerisauan tentang masalah kewangan dan sebagainya. Sikap sedemikian amat bergantung kepada personaliti, mentaliti dan kuasa adaptasi individu. Surdam dan Collin (1984:240) telah menekankan kepentingan memegang satu "sikap kaagamaan yang positif" di kalangan pelajar asing dimana kepercayaan agama ini akan menjadi penyokong utama bila menghadapi sebarang krisis. Vaz (1985:2259A) pula menganggap perhubungan sosial dua hala dengan rakyat tuan rumah adalah satu faktor 'positive correlation' yang penting, iaitu semakin erat perhubungan, semakin rendah darjat tekanan hidup seseorang pelajar. Ini benar berlaku dikalangan pelajar saradiri yang telah menjalin hubungan sosial dengan orang Jepun melalui kerja sampingan.

b. Masalah sampingan - Selain daripada masalah yang disebut diatas, masalah-masalah lain yang turut dihadapi adalah seperti tempat tinggal yang tidak memuaskan, tiada kemudahan bilik mandi; kesulitan mencari penjamin; hubungan dengan pelajar lain dan pekerja lain yang berbeza dari segi etnik, masalah mendapatkan kerja yang sesuai; tingkahlaku orang Jepun terhadap orang asing; dan komunikasi dengan orang Jepun. Kesemua ini merupakan perkara yang biasa dalam kehidupan sosial kebanyakan pelajar asing di Jepun termasuk pelajar Malaysia di Tokyo.

Apabila mereka menghadapi masalah, samaada dalam pelajaran atau pekerjaan, kawan baik merupakan tempat pergantungan utama berkongsi perasaannya. Boleh dikatakan, interaksi dan semangat saling bantu-membantu di kalangan pelajar saradiri adalah amat kuat dan ia merupakan sumber evokong sosio-emosi yang penting bagi mereka. Keadaan ini selaras dengan pendapat Schneider L.J. dan Spinler D.G dalam artikel Whittaker (1987:248) yang mengatakan ;

"Foreign students from all countries, of both sexes, prefer friends and then relatives, as help sources for personal-emotional problems and the same choices for educational-vocational problems except that faculty members are also likely to be included."

Daripada responden kajian, 52 orang (81.2%) mengatakan mereka akan mencari kawan untuk menyelesaikan masalah, selain daripada itu, persatuan (9.4%), bidang pekerjaan (7.8%), agama (7.8%) dan lain-lain 9.4%. Ini juga bergantung kepada jenis kesusahan yang dihadapinya.

Bila disoal tentang harapan mereka terhadap kerajaan Jepun untuk pelajar asing, seorang pelajar (Ekonomi, tahun pertama) , menyatakan ;

" Saya berharap kerajaan Jepun akan memberi lebih banyak perhatian kepada pelajar asing terutamanya pelajar saradiri di Jepun seperti menyediakan asrama, menyumbangkan perbelanjaan dari segi subsidi dan memperkayakan aktiviti-aktiviti yang boleh mempereratkan tali persahabatan serta saling persefahaman diantara pelajar asing dengan penduduk Jepun."

Golongan pelajar saradiri tersebut amat berharap supaya kerajaan Jepun dapat mengambil perhatian dan langkah sewajarnya untuk membantu kehidupan pelajar asing terutama di pelajar saradiri di Jepun. Perkara yang banyak disentuh ialah menambah bilangan biasiswa, menyediakan tempat tinggal yang murah dan selesa, menjaga kebajikan pelajar yang bekerja, mengurangkan yuran pelajaran, menghapuskan sistem penjamin, memberi 'permit kerja' selepas tamat pengajian dan bersikap adil terhadap pelajar asing.

### 3.3 Pola Pebelanjaan Dan Sumber Kewangan

#### 3.3.1 Pola Perbelanjaan

Perbelanjaan pelajar saradiri terdiri dari dua komponen utama iaitu kos hidup dan yuran tuisyen. Perbincangan seterusnya akan dibahagikan kepada 2 jenis perbelanjaan ini.

##### (a) Kos Hidup

Perbelanjaan sara hidup pelajar asing di Jepun agak tinggi jika dibandingkan dengan Malaysia, <sup>4</sup> terutamanya apabila naiknya nilai yen. Kos perbelanjaan hidup adalah berbeza dari satu sama lain mengikut jantina dan kawasan tempat tinggal. Biasanya kos hidup di luar Tokyo adalah lebih rendah daripada Tokyo.

~~~~~  
4 Menurut kajian statistik Harga Barangan di Jepun pada 1988 yang diusahakan oleh Jabatan Statistik Bahagian Hal-Ehwal (Somukyo tokei kyoku): beras 10 kg (M\$95.40), roti sekilo (M\$7.60), tomato 1kg (M\$10.40), ubat perut (M\$14.90), ubat gigi (M\$4.30), sekaki payung (M\$32.00), sehelai selimut (M\$120.60) dan lain-lain.

Bagi sewa dan makanan, kaum lelaki berbelanja lebih daripada kaum perempuan, terutamanya untuk makanan dan rokok. Pada umumnya, kos hidup minimum bagi seseorang pelajar adalah kira-kira Y100,000 sebulan tidak termasuk simpanan tuisyen.

Jadual 13 : Perbandingan Pola Perbelanjaan Sebulan untuk pelajar Jepun dan Malaysia

Perkara:	Pelajar Malaysia		Pelajar Jepun #
	Lelaki	Perempuan	Y (Yen) Purata
a. Makanan	34,729	23,625	34,560
b. Kos Pengangkutan	10,862	10,441	5,160
c. Sewa Bilik	29,722	29,625	44,670
d. Hiburan	14,200	12,000	14,050
e. Pakaian	8,000	14,250	
f. Lain-lain (yuran, elektrik, alatulis gas, telefon dsb.)	20,937	14,133	24,430
	-----	-----	-----
	118,450	89,941	122,890
g. Simpanan	27,125	30,555	9,300
	-----	-----	-----
JUMLAH *	145,575	120,496	132,190
	=====	=====	=====

Nota : * Purata Jumlah Perbelanjaan bulan
= Y 133,036 (Lelaki + perempuan/2)

Sumber : Kajian 'Daigakusei kyo Tokyo jigyo rengo 1988' (bersama kooperasi konsumer Mahasiswa dengan Tokyo Barangan Berhad) dalam The Nihongo Journal Mei, 1988.

Dari jadual perbandingan diatas, jumlah perbelanjaan bulanan pelajar Malaysia (Y133,036) tidak banyak beza jika dibandingkan dengan pelajar Jepun (Y132,190). Hanya jumlah

Keperluan pelajar Malaysia lebih banyak dari pelajar Jepun, kira-kira 3 kali ganda jumlahnya. Di kalangan pelajar Malaysia sendiri yang dilihat dari kaum lelaki dan kaum perempuan, didapati kos pengangkutan, sewa dan simpanan adalah sama, manakala kos makanan, hiburan dan kos lain bagi pelajar lelaki pula adalah lebih tinggi daripada pelajar perempuan. Sebaliknya pelajar perempuan menggunakan wang lebih banyak dalam pakaian daripada pelajar lelaki. Selain daripada itu, wang yang digunakan untuk membuat telefon ke Malaysia turut menjadi satu kos yang nyata, terutamanya pelajar baru. Bagi pelajar lelaki yang merokok pula, wang tambahan terpaksa dihabiskan untuk membeli rokok.

(b) Yuran Tuisyen

Sehingga April 1990, purata kos kemasukkan ke Institusi pengajian tinggi di Jepun bagi tahun pertama ialah Y82,000 (M\$11,649) bagi institusi kebangsaan dan universiti awam ; Y1,111,000 (M\$22,220) bagi universiti swasta (tidak termasuk pergigian dan jabatan perubatan) ; Y1,005,000 (M\$20,100) bagi kolej rendah dan Y748,000 (M\$14,960) bagi sekolah latihan khas. Bayaran ini termasuk yuran kemasukan dan tuisyen, bayaran kemudahan dan kelengkapan asas serta perbelanjaan lain. (lihat jadual 14)

Bagi tahun dua ke atas, jumlah perbelajaan berkurangan kepada Y375,600 (M\$7,412) bagi universiti nasional dan awam ; Y755,000 (M\$14,100) bagi universiti swasta (tidak termasuk jabatan perubatan dan pergigian); Y675,000 (M\$13,500) bagi kolej rendah dan Y615,000 (M\$12,300) bagi

adalah latihan khas. Ini adalah kerana mulai tahun dua, pelajar tidak perlu membayar yuran pendaftaran dan yuran masuk institusi.

Jadual 14 : Kos Purata Pengajian bagi Tahun Pertama
(sehingga April, 1990)

	Yen(Y)'000		
Universiti Kebangsaan dan Awam (semua jabatan)		582	

Universiti swasta		1,111	
(mengikut jabatan): (purata)			
	('000)	('000)	
Perubatan	9,215	Kejurteraan	1,201
Pergigian	9,212	Sains Rumahtangga	1,143
Farmasi	2,033	Pendidikan	1,080
Seni & Muzik	1,715	Sastera, Kemanusiaan,	
Kesihatan	1,785	& bahasa asing	1,011
Sains Veterinar		Perniagaan	980
asing & ternakan	1,374	Politik & ekonomi	936
Perikanan	1,303	Kajian Sosial	944
Sains	1,302	Undang-undang	928
Pertanian	1,241	Perdagangan	916
Sains & Kejuruteraan	1,253	Lain-lain	977
Pendidikan Jasmani	1,220		
Kolej Rendah (semua jabatan)		Y829,000 - 1,300,000	
Sekolah Latihan Khas (semua Kursus)		Y306,600 - 965,000	
Sekolah Bahasa Jepun :			
i) Kursus enam bulan		Y220,000 - 420,000	
ii) Kursus setahun		Y410,000 - 720,000	

Sumber : " The College Management No.43" Recruit 1990.

Mereka yang menuntut di universiti kebangsaan atau awam boleh menikmati faedah pengurangan separuh yuran tuisyen atau dikecualikan membayar yuran tuisyen. Subsidi ini baru dilaksanakan khas untuk pelajar saradiri di Jepun. Bagi pelajar saradiri yang menuntut di univerisiti swasta

yang berkecukupan memohon mendapat subsidi 30% dari yuran yang dikenakan mereka. Selain daripada itu, mereka juga akan cuba meminta bantuan kewangan dari institusi-institusi tertentu yang menawarkan biasiswa atau subsidi bagi pelajar asing, seperti kerajaan Jepun (Monbusho), Pertubuhan Pendidikan Antarabangsa Jepun (AIEJ), Yayasan Persendirian Jepun, Kerajaan Tempatan dan Institusi Jepun. Itulah satu-satunya cara untuk mengurangkan beban seseorang pelajar saradiri.


3.2 Sumber Kewangan

Sumber kewangan utama bagi pelajar saradiri ini adalah bergantung kepada gaji yang diperolehi dari kerja sampingan. Walau bagaimanapun, kebanyakan pendapatan tersebut tidak cukup membiayai segala perbelanjaan. Dari responden kajian, terdapat 24 orang (40.7%) bersituasi sedemikian. Hanya 35 orang (59.3%) mengatakan pendapatan cukup mengatasi kos perbelanjaan di Jepun.





Bila kesulitan wang 87.5% dari mereka akan meminta bantuan dari keluarga dan 12.5% dari kawan-kawan karib di Jepun. Masalah kewangan ini merupakan 'masalah sementara' yang selalu dapat diselesaikan dalam jangka masa pendek.

Secara ringkasnya, terdapat 3 komponen utama dalam sumber kewangan pelajar ini, iaitu gaji dari kerja sampingan, bantuan kewangan dari ahli keluarga dan biasiswa tertentu atau lebih dikenali sebagai subsidi. (lihat rajah

Rajah 11 : Sumber Kewangan



Petunjuk :

-  Kerja Sambilan
-  Kerja Sambilan + Ahli Keluarga
-  Kerja Sambilan + Subsidi/Biasiswa
-  Kerja Sambilan + Subsidi/Biasiswa + Ahli Keluarga

Bila disoal samada mengirimi wang balik kepada keluarga di Malaysia, didapati hanya 3 orang (4.7%) sahaja yang berbuat demikian. Biasanya, mereka akan mengirimi sekali setahun dalam jumlahnya M\$2,000.00-\$4000.00 dan tiada sebab tertentu yang mendorong mereka mengirimi wang balik ke rumah. Mereka dapat berbuat demikian adalah kerana mereka mendapat pendapatan dari subsidi dan gaji yang lebih dari keperluan.

Gaji pekerjaan adalah sumber kewangan yang utamanya atau hampir 100% ; minta bantuan kewangan dari ahli keluarga hanya berlaku dalam keadaan dan masa yang tertentu terutamanya masa pemulaan tahun akademik yang memerlukan bayaran yuran tuisyen atau masa kecemasan yang menyebabkan tidak dapat bekerja seperti sakit ; Biasiswa adalah satu jenis subsidi berjumlah kecil yang hanya dapat membiayai sejumlah kecil sahaja dalam kos perbelanjaannya.

3.4 Perhubungan Sosial

3.4.1 Perhubungan Sosial dan Kebudayaan

Pada masa kini, kegiatan perhubungan budaya banyak dianjurkan oleh badan-badan tertentu supaya pelajar asing mempunyai peluang menyertai kebudayaan orang Jepun. Aktiviti-aktiviti yang lazim dilakukan adalah seperti :

- a) Perjumpaan penduduk Jepun dengan pelajar asing.
- b) Projek 'Tinggal Bersama Keluarga Jepun'
- c) Sistem anak angkat
- d) Seminar dan forum
- e) Perayaan tempatan, konsert dan sebagainya

Malangnya, atas sebab kesuntukan masa terdapat 30 orang (60.9%) daripada jumlah 64 responden mengatakan mereka tidak melibatkan diri dalam kegiatan sosial di Jepun. Namun demikian, oleh kerana mereka melakukan kerja sampingan mereka lebih banyak berinteraksi dengan orang Jepun. Ia telah mempereratkan ikatan sosial dan persefahaman antara mereka jika dibandingkan pelajar biasiswa. Walau bagaimanapun, bagi pelajar saradiri yang tinggal di bandar besar seperti Tokyo, perhubungan sosial dengan orang Jepun tidak dapat berkembang dengan memuaskan.

3.4.2 Perhubungan Dengan Etnik Lain

Perbezaan latarbelakang budaya telah menimbulkan masalah dalam perhubungan di antara pelajar Malaysia dengan etnik lain terutamanya orang Jepun. Interaksi boleh

dikatakan amat 'Superficial' dan terhad kepada keadaan-keadaan tertentu sahaja. Kekurangan interaksi ini selalu menimbulkan banyak salah faham, prejudis, stereotaip dan sikap etnosentrisme. Sikap etnosentrik ini telah mendorong orang Jepun sentiasa menganggap ciri-ciri kebudayaan mereka lebih baik, wajar dan 'Superior', sementara kebudayaan kumpulan lain dipandang rendah dan 'inferior'.

Secara tidak langsung, sikap sedemikian telah mewujudkan jarak sosial (Social Distance) antara orang Jepun dan pelajar asing dan diskriminasi keatas pelajar asing yang berasal dari negara kecil atau sedang membangun terutamanya negara Asia. Ramai pelajar Asia termasuk pelajar Malaysia pernah mengalami prejudis ini.

Seorang pelajar telah membuat kenyataan di dalam satu seminar seperti ,

" Sometime I don't like the attitude of the Japanese towards foreigners. Western people and Asian people are treated differently. Westerners can find high-paying part-time work straight away. Asian students can only find low-paying work. I think this is a type of discrimination."

(The Nihongo Journal, Ogos 1989:57)


Pengkaji membahagikan orang Jepun kepada 3 jenis, iaitu;

- 1) Orang Jepun yang 'sederhana' : Golongan ini telah melalui urbanisasi dan berupaya menerima pelajar asing sebagai anggota masyarakatnya.

b) Orang Jepun 'Konservatif': Golongan ini memegang kuat sikap etnosentrisme dan tidak begitu mesra dengan pelajar asing.

c) Orang Jepun 'Internasionalisme': Golongan ini bersikap antarabangsa dan senang berkawan. Walau bagaimanapun, mereka lebih pro-barat.

Kajah 12 : Dariat Perhubungan Sosial Dengan Etnik lain 6



Peratusan (%) :

Penuntut M'SIA :	34.4	45.3	18.7	1.6	-	-
Penuntut Bukan M'SIA :	12.5	48.5	35.9	3.1	-	-
Penuntut Jepun :	15.6	31.3	37.5	9.4	3.1	3.1

Pentakrifan pendekatan 'mesra' disini dilihat sebagai suatu interaksi yang menggalakkan dimana kedua-dua pihak sentiasa berusaha untuk mempereratkan perhubungan mereka dan saling mengkongsi perasaan, manakala pendekatan 'kurang mesra' dipandang sebagai suatu perhubungan yang selalu menimbulkan konflik dan pertelingkahan.

Dari rajah 12, perhubungan sosial dikalangan pelajar Malaysia adalah agak memuaskan, hanya 1.6% responden yang memberi jawapan negatif. Ini dapat dikatakan mereka selalu berikat dengan konsep kekitaan dimana mereka semua berasal dari Malaysia dan sentiasa bantu-membantu. Manakala perhubungan dengan pelajar bukan Malaysia (kecuali orang Jepun) agak renggang tetapi lebih baik jika dibandingkan dengan pelajar Jepun.

Di samping itu, terdapat 75% pelajar universiti mengatakan tidak mengalami masalah berkomunikasi dengan orang Jepun dan 25% pula memberitahu mereka telah mengalami masalah-masalah komunikasi ini. Manakala, terdapat 62.5% pelajar sekolah bahasa Jepun atau sekolah profesional mempunyai masalah berkomunikasi dengan orang Jepun dan 37.5% pula mengatakan tidak. masalah-masalah biasa yang dihadapi semasa berkomunikasi dengan orang Jepun ialah bahasa Jepun (4.7%), budaya Jepun (6.5%) dan cara berfikir orang Jepun (6.5%).

Pada masa kebelakangan ini, dalam masyarakat Jepun wujud dua pandangan terhadap pelajar asing : 'bersimpati' dan 'penyingkiran'. Pada peringkat awalnya, sikap 'bersimpati' ini timbul kerana yen semakin meningkat dan telah menambahkan beban hidup pelajar asing. Ekoran dari itu, pelajar asing dipandang sebagai 'golongan pelarian baru'. Beberapa tahun kemudian, sikap 'penyingkiran' pula timbul akibat dari kemasukan pekerja asing secara besar-besaran ke Jepun termasuk rakyat Malaysia. Keadaan ini telah menggelirukan masyarakat Jepun yang berfikir tujuan pelajar

asing datang ke Jepun hanya semata-mata untuk bekerja bukan untuk belajar. (Shin Chew Jit Poh, 26hb.Sep.1991) Tidak dapat dinafikan bahawa perkara sedemikian memang ada berlaku di kalangan sesetengah pelajar Asia terutamanya pelajar China. Sikap golongan pelajar itu telah menimbulkan rasa tidak senang masyarakat Jepun yang berpendirian bahawa jika seseorang asing ingin mempelajari kebudayaan dan pengetahuan mereka harus belajar secara betul-betul. Walau bagaimanapun, itu adalah tidak adil jika stereotaip ini digeneralisasikan kepada semua pelajar asing.

4.3 Pandangan Orang Jepun Terhadap Pelajar-pelajar Malaysia

Pelajar Malaysia merupakan satu kumpulan minoriti di kalangan pelajar asing di Jepun. Oleh itu, interaksi mereka dengan penduduk Jepun amat sedikit. Untuk meninjau pandangan orang Jepun terhadap pelajar Malaysia (termasuk pelajar Biasiswa), 38 responden yang mempunyai hubungan sosial dengan pelajar-pelajar Malaysia telah diambil.

Petikan ucapan oleh prof.madya N.S. Zhuo (Tokyo University) dalam seminar 'polisi pelajar asing kini dan masa depan' yang dianjurkan oleh Pusat Antarabangsa Osaka, Julai 1991.


Jadual 15 : Pandangan Orang Jepun Terhadap Pelajar Malaysia

Aspek Positif	3	2	1	0	-1	-2	Aspek negatif
a. Rajin	10.5	31.5	26.3	13.2	13.2	5.3	Bermain-main
b. Jujur	26.5	47.5	10.5	15.8	-	-	Tidak Jujur
c. Bertanggung jawab	7.9	55.3	15.8	21.0	-	-	Tidak Bertanggung Jawab
d. Baik Hati	28.9	42.1	13.2	15.8	-	-	Tidak Baik Hati
e. Berusaha	13.2	50.0	18.4	7.9	7.9	2.6	Malas
f. Mesra	47.4	36.8	15.8	-	-	-	Tidak Mesra
g. Setia	15.8	52.6	10.5	21.8	-	-	Tidak setia
h. Bersopan Santun	28.9	42.1	13.2	13.2	2.6	-	Kasar

Dari jadual 15, dapat disimpulkan bahawa pelajar Malaysia dilihat sebagai sekumpulan pelajar yang mesra, baik hati, bersopan santun dan jujur. Tetapi tidak dipandang sebagai pelajar yang rajin atau berusaha. Ini mungkin disebabkan konsep kerajinan masing-masing adalah berlainan. Tambahan lagi, pelajar Malaysia yang bersara diri selalu kekurangan masa untuk belajar.

Rajah 13 menunjukkan perhubungan sosial orang Jepun dengan pelajar Malaysia agak mesra serta positif, iaitu sangat puas (23.7%), memuaskan (55.3%), tiada komen (10.5%) dan tiada perhubungan (10.5%). Tiada responden yang menunjukkan jawapan negatif. Pada setakat ini, jika dibandingkan dengan pelajar negara lain, ia telah menduduki kedudukan yang paling memuaskan.

Rajah 13 : Taraf Perhubungan Orang Jepun Dengan Pelajar Asing



Peratusan (%) :

MALAYSIA	: 23.7	55.3	10.5	-	-	10.5
KOREAN	: 10.5	57.9	18.5	2.6	-	10.5
CHINESE	: 2.6	50.0	21.1	10.5	5.3	10.5
TAIWANESE	: 15.8	50.0	21.1	-	-	13.0
SINGAPOREAN	: 5.3	31.5	39.5	-	-	23.7
AMERICAN	: 7.9	18.4	34.2	-	7.9	31.6
INDONESIAN	: 3.6	31.6	31.6	2.6	-	31.6
EUROPEAN	: 7.9	18.4	31.6	5.3	2.6	34.2
THAILAND	: 5.3	28.9	36.8	7.9	-	21.1

Keadaan ini dapat dilihat pada sikap para majikan memilih pekerja arubaito di kalangan orang asing. Tanggapan pelajar Malaysia dianggap mempunyai sikap kerja yang agak baik serta menggalakkan. Situasi ini menyebabkan pelajar Malaysia dialu-alukan untuk bekerja dalam syarikat. Sebagai perbandingan, pelajar China dianggap mempunyai sikap kerja yang tidak begitu baik. Walau bagaimanapun, pandangan negatif terhadap pelajar Malaysia telah merosot sedikit kerana kemasukan pekerja haram daripada rakyat Malaysia ke Jepun semakin meningkat kebelakangan ini.

Dari kajian responden, perhubungan sosial orang Jepun dengan pelajar asing boleh dikelaskan kepada kumpulan mengikut taraf kemesraan atau kepuasan interaksinya. Ia seperti :

Kumpulan A : Pelajar Malaysia, Pelajar Taiwan,
(Hubungan Baik) Pelajar Singapura.

Kumpulan B : Pelajar Korea , Pelajar Indonesia,
(Hubungan Boleh Tahan) Pelajar Thailand.

Kumpulan C : Pelajar China, Pelajar Eropah,
(Hubungan Lemah) Pelajar Amerika.

Dengan kata lain corak kebudayaan bersifat ketimuran dan bahasa bersealiran huruf Cina("kanji") telah sedikit sebanyak membantu Pelajar Malaysia berinteraksi dengan baik dengan orang Jepun dan mengurangkan konflik antara mereka.

Selain daripada itu, bila responden Jepun ditanya tentang pandangan mereka terhadap pelajar Malaysia yang belajar secara saradiri, pandangan mereka dapat disimpulkan seperti berikut ;

1. Belajar sambil bekerja telah terlalu melelahkan tenaga sehingga pelajar tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian dalam pelajaran. Kadangkala, mereka terlalu rajin bekerja sehingga mengabaikan pelajaran dan matlamat akhir mereka. Mereka selalu mengantuk di dalam kelas.
2. Pelajar Malaysia adalah golongan agak mesra bersopan santun dan senang berinteraksi. Walau bagaimanapun, atas kelemahan menguasai pengetahuan nilai-nilai sosial

masyarakat Jepun, adat resam dan cara hidup orang Jepun, maka timbulah perselisih faham dan akibatnya pelajar selalu menunjukkan perasaan tidak puas terhadap perkara-perkara yang subjektif.

3. Pada umumnya, pelajar Malaysia sentiasa rajin dan ada inisiatif dalam kerja yang dilakukan. Namun demikian, terdapat sekumpulan pelajar tidak mempunyai matlamat yang kukuh dan jelas semasa datang ke Jepun. Atas sebab itu, mereka tidak agresif dan senang putus asa bila menghadapi kesulitan samada dalam pelajaran atau kehidupan. Akibatnya ramai daripada mereka balik ke negara asalnya tanpa sebarang pencapaian akademik.

4. Oleh kerana bekerja arubaito, maka terdapat banyak peluang bagi pelajar berkomunikasi dengan orang Jepun. Ini telah membantu mereka belajar bahasa Jepun dengan lebih cepat dan berkesan jika dibandingkan pelajar tidak bekerja. Keadaan ini banyak berlaku di kalangan Pelajar Malaysia Cina yang berlatarbelakang budaya kanji. Tetapi kelemahan ialah kadangkala mereka belajar bahasa Jepun dalam cara tidak betul dan bukan standard.

Secara ringkasnya, pelajar Malaysia telah mengemukakan satu imej yang agak baik kepada orang Jepun. Sikap sopan santun dan tolak ansur membolehkan interaksi mereka berterusan.

5.5 Persatuan Pelajar Dan Badan-badan Sukarela

Pada amnya, persatuan-persatuan pelajar serta badan-badan tertentu yang berkaitan dengan pelajar Malaysia sendiri boleh digolongkan seperti berikut ;

- a. Persatuan pelajar rasmi khas untuk pelajar Malaysia, iaitu Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Malaysia di Jepun (PKPMJ)
- b. Persatuan bekas murid-murid sekolah tertentu (di Malaysia) yang tidak rasmi. Contoh, Persatuan Bekas Murid-murid Tua Chong Hua.
- c. Persatuan pelajar asing di dalam universiti atau di luar universiti. Contohnya, Japan Foreign Student Association (JFSA).
- d. Badan-badan sukarela yang bertujuan untuk memberi bimbingan. Contoh, Counselling Room For Foreign Students.

Persatuan-persatuan tersebut mempunyai fungsi, matlamat serta target ahli-ahli yang tertentu. Disini, pengkaji hanya menumpukan perhatian kepada PKPMJ dan badan-badan sukarela yang berhubung rapat dengan pelajar Malaysia yang bersaradiri.

5.5.1 Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Malaysia Di Jepun (PKPMJ)

Pada 1979, Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Malaysia di Jepun (PKPMJ) telah ditubuhkan atas bantuan kedutaan Besar Malaysia. Matlamat penubuhan persatuan itu

adalah untuk menyatukan semua pelajar Malaysia dan menjalin hubungan rapat serta menjaga kebajikan pelajar-pelajar Malaysia di Jepun. PKPMJ merupakan 'satu dan hanya satu' badan Persatuan pelajar Malaysia yang diiktirafkan secara rasmi oleh Kedutaan Besar Malaysia.

Pada tahun 1991, PKPMJ mempunyai ahli seramai 1046 orang yang terdiri daripada 746 pelajar lelaki (71.32%) dan 300 pelajar perempuan (28.68%). Jika dilihat dari segi ras, didapati ia dihadiri oleh dua etnik utama iaitu, pelajar Malaysia Cina (668 orang atau 63.86%) dan pelajar Malaysia Melayu (357 orang atau 34.13%), yang lainnya adalah pelajar etnik lain (21 orang atau 2.01%). Lihat lampiran 6.

Persatuan ini telah menjalankan berbagai aktiviti mengikut matlamat persatuan seperti menjual tiket MAS yang lebih murah, menyambut kedatangan pelajar baru, mengadakan seminar pekerjaan bagi pelajar yang akan tamat pelajaran dan juga aktiviti-aktiviti untuk memperkenalkan tanah air kepada masyarakat Jepun.

Di samping itu, sidang Ridaksi TUNAS di bawah PKPMJ telah berusaha menerbitkan buletin dan majalah rasminya tiga keluaran setahun. PKPMJ juga bertindak sebagai agen MAS untuk menjual tiket yang berkadar diskoun kepada ahli-ahlinya. Kemudahan ini telah mendapat sokongan kuat oleh ahli-ahlinya. Kadangkala ia telah menjadi dorongan utama bagi pelajar Malaysia menyertai PKPMJ.

Dari 64 responden yang dikaji, didapati hanya 11 orang (17.2%) pelajar saradiri tidak tahu tentang wujudnya persatuan itu. Dan pada 53 responden yang tahu mengenai PKPMJ pula, hanya 39 orang (73.6%) sahaja yang telah menyertai PKPMJ. Antara faktor-faktor utama yang menarik mereka menjadi ahli PKPMJ ialah seperti:

- a. mendapat tiket murah (43.7%)
- b. menikmati perkhidmatan & kebajikan (20.5%)
- c. berpeluang berinteraksi sesama pelajar Malaysia (10.2%)
- d. tanggungjawab sebagai pelajar Malaysia (9.7%)
- e. memperolehi maklumat dari Malaysia (TUNAS) (7.7%)
- f. lain-lain (10.7%)

Di sini jelas menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar saradiri menjadi ahli persatuan semata-mata hanya hendak mendapat tiket murah untuk balik ke Malaysia sahaja. Golongan ini tidak banyak meluangkan masa kerana bekerja sampingan dan tidak aktif dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan. Boleh dikatakan, penglibatan pelajar saradiri secara langsung dalam perancangan dan pelaksanaan projek adalah amat kurang.

Selain daripada itu persatuan ini turut diresapi oleh masalah polarisasi antara kaum, terutamanya golongan pelajar Malaysia Cina dan golongan pelajar Malaysia Melayu. Sikap stereotaip dan prasangka masing-masing telah menghancurkan semangat muhibah Malaysia, saling persefahaman,

berkerjasama, moderasi dan toleransi' yang tercatat dalam memorandum PKPMJ. Konflik antara dua golongan ini menjadi tegang selepas peristiwa Mesyuarat Agung Tahunan 1987.⁸

Kini kebanyakan pelajar Malaysia Cina bersikap pasif terhadap PKPMJ dan tidak mempunyai perasaan kekitaan serta kurang kepercayaan terhadap persatuan itu. Oleh itu, golongan tersebut lebih melibatkan diri dalam persatuan lain dan cuba berdikari untuk menyelesaikan segala masalah yang dihadapi tanpa pertolongan PKPMJ.

Secara ringkasnya, penglibatan pelajar saradiri dalam kegiatan PKPMJ adalah tidak memuaskan dan masalah polarisasi etnik telah menjadi batu penghalang kemajuan persatuan itu. Di samping itu, PKPMJ tidak begitu berkesan dalam fungsi serta matlamatnya sebagai sebuah persatuan yang mewakili pelajar Malaysia dari segi menjaga kebajikan pelajar Malaysia terutamanya pelajar saradiri.

5.5.2 Badan-badan Sukarela

Pelajar asing di Jepun selalu menghadapi berbagai masalah hidup di dalam satu masyarakat asing. Bila berhadapan dengan masalah yang tidak dapat diselesaikan sendiri,

~~~~~

8. Dalam Mesyuarat Agung Tahunan 1987, apabila cadangan pelajar Malaysia Melayu tentang hal perpindahan Perlembagaan dan penggunaan bahasa Malaysia ini ditolak oleh majoriti undi ahlinya yang berbangsa Cina. Akibatnya semua pelajar Malaysia Melayu menarik diri dari persatuan itu. Walaupun hal ini telah diselesaikan kemudian, tetapi konflik ini telah menjejaskan kehadiran pelajar Malaysia Cina dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang Seterusnya. Misalnya, pada AGM 1988, hanya 6 pelajar Malaysia Cina sahaja menghadiri mesyuarat itu. Keadaan ini juga berlaku dalam penyertaan kegiatan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh PKPMJ.

maka biasanya mereka akan meminta bantuan nasihat dari kawan, guru atau penjamin. Kalau masalah itu masih tidak dapat diatasi, langkah seterusnya ialah meminta bantuan dari badan-badan sukarela yang berfungsi sebagai pusat bimbingan. badan-badan ini ditubuhkan bertujuan untuk membantu dan memberi nasihat kepada pelajar asing di Jepun. Selalunya, badan-badan ini akan menganjurkan penjualan alat-alat gunaan harian atau pakaian yang murah, menerbitkan majalah pelajar, membekalkan maklumat tentang biasiswa, rumah sewa, arubaito dan sebagainya.

Badan-badan penasihat (ryugakusei sodan shitsu) yang lazim dikunjungi oleh pelajar Malaysia saradiri adalah seperti:

- a. The Asian Students Culture Association, Asian Student Center.
- b. Volunteer Group Counseling and Assistance for students for Abroad.
- c. Tokyo YWCA Foreign Students' Advisory Office.
- d. Center For Domestic and Foreign Students.

Perkara yang menjadi isu perbincangan utama dengan badan sukarela ini adalah VISA, penjamin, perumahan, arubaito dan lain-lain lagi. Sebagai contohnya, pada tahun lalu (April 1990 hingga Mac 1991), didapati seramai 1834 pelajar Malaysia telah meminta bantuan dari pusat itu dan angka itu merupakan kumpulan terbesar yang meliputi 52.3% daripada jumlah semua nasihat yang diberi iaitu 3,508 orang.

Setakat ini, badan-badan sukarela telah memainkan peranan penting dan berkesan dalam menjalankan bantuan kebajikan sosial kepada pelajar Malaysia saradiri. Boleh dikatakan, ia merupakan 'ibu' kepada pelajar saradiri di Iepun. Tanpa bantuan badan-badan tersebut, mungkin kehidupan belajar ini akan menjadi lebih rumit lagi.